

26/09/2003

Pak Lah miliki watak pemimpin berwibawa

Ridzuan Yop

PADA perhimpunan sempena Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengulangi keyakinan terhadap penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pengumuman itu dibuat di hadapan 14 pemimpin tertinggi komponen parti BN serta ribuan ahli BN yang hadir menyambut ulang tahun perkongsian kuasa yang terjalin lebih 50 tahun lalu.

Pengumuman itu tentunya lahir daripada keikhlasan Dr Mahathir selaku Pengerusi BN kepada penggantinya Abdullah bukan saja bagi menerajui Umno yang menjadi tonggak BN, tetapi juga kepada pemimpin kaum lain dalam BN.

"Pada akhir Oktober tahun ini, saya akan melepaskan jawatan saya dengan rasa senang hati kerana sudah ada pengganti saya. Tidak ada rebutan kuasa di kalangan kita. Kita adalah kumpulan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab bersama dan kita percaya kepada dasar BN.

"Sebab itu, apabila pengganti saya Datuk Seri Abdullah menjadi Perdana Menteri, dia telah berjanji secara terbuka untuk meneruskan perjuangan BN. Kita tidak perlu khuatir mengenai komitmennya kepada perjuangan BN.

"Justeru itu saya minta supaya ahli BN, penyokong BN memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Abdullah," kata Dr Mahathir yang disambut tepukan gemuruh puluhan ribu hadirin penyokong BN di Stadium Merdeka, yang menjadi lokasi bersejarah sempena pengisytiharan kemerdekaan 46 tahun lalu.

Keyakinan Perdana Menteri kepada Abdullah tentunya tidak dibuat dalam tempoh penilaian yang singkat kerana Abdullah menganggotai Kabinet pertama Dr Mahathir sejak 22 tahun lalu.

Dalam Kabinet pertama Dr Mahathir yang diumumkan pada 18 Julai 1981, Abdullah dilantik sebagai Menteri Tidak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri sehingga sekarang sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

"Tidak ada perubahan dasar, tidak ada perubahan polisi.... mungkin stailnya saja berbeza tetapi dasarnya adalah sama. Insya-Allah dengan melaksanakan dasar yang sama, maka negara kita ini akan terus maju dan menjadi contoh kepada dunia," kata Dr Mahathir.

Ketika kawan dan lawan mencari di mana kekuatan politik Abdullah, pemerhati politik berpendapat banyak perwatakan Abdullah yang menjadikan beliau seorang pemimpin berwibawa, popular dan berkebolehan - Dr Mahathir tentunya amat memahami itu.

Abdullah dilihat sebagai seorang yang berperwatakan lembut, tetapi kelembutan itulah sebenarnya kekuatannya. Beliau dianggap pemimpin yang sederhana, tetapi kesederhanaan itulah sebenarnya kekuatannya.

Beliau juga dianggap pemimpin yang tidak kontroversi dan sifat tidak kontroversi itulah sebenarnya kekuatannya. Beliau seorang yang terlihat bersihnya dan itulah juga menjadi keunggulan kekuatannya.

"Pak Lah (Abdullah) sebenarnya adalah seorang pemimpin yang tegas dan sentiasa berpegang kepada prinsip dan teguh kepada keputusan yang dibuat," kata Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahaya.

"Saya mengenali Pak Lah ketika saya masih lagi menuntut di universiti sekitar 70-an dan beliau mempunyai gaya kepimpinan tersendiri yang tidak dimiliki kebanyakan pemimpin politik lain," katanya yang juga timbalan kepada Abdullah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang.

Abdullah seorang yang tegas, tetapi ketika yang sama beliau adalah seorang pendengar yang baik, tidak mudah melatah dan sedia berunding dalam menyelesaikan apa juga perkara dan masalah yang timbul.

"Latar belakang agama Pak Lah menjadi pelengkap kepada perwatakannya sebagai seorang pemimpin dan ahli politik. Pak Lah bukanlah seorang yang gemar dengan kontroversi," katanya.

Abdullah datang daripada keluarga ulama dan politik yang berpengaruh di Pulau Pinang dan beliau sendiri memiliki ijazah dalam bidang Pengajian Islam dari Universiti Malaya.

Bapa Abdullah, Ahmad Badawi adalah bekas mufti pertama Pulau Pinang, manakala datuknya, Abdullah Fahim, adalah ulama terkenal dan seorang daripada pengasas Umno yang memainkan peranan penting dalam menetapkan tarikh kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.

"Kita tidak boleh membandingkan kepimpinan Pak Lah dan Dr Mahathir kerana kedua-duanya mempunyai stail yang berbeza, yang penting matlamat yang dikehendaki itu tercapai," kata Dr Hilmi.

Keputusan Dr Mahathir melantik Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri dan bakal penggantinya apabila beliau bersara kelak, tentunya bukan satu yang mudah.

"Kita percaya dan yakin Dr Mahathir sudah membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk memilih Abdullah sebagai pengganti beliau dan kita yakin dengan keputusan itu," kata Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas.

Berdasarkan pengalaman lalu, Dr Mahathir seorang yang bijak membuat keputusan walaupun ada pihak yang mempertikaikannya, tetapi mereka terpaksa menelan semula kata-kata mereka.

"Kita yakin Abdullah dapat menerajui negara dengan kebolehannya. Abdullah sudah tentu akan meneruskan pentadbiran yang digariskan oleh Perdana Menteri terdahulu, terutama Dr Mahathir yang terbukti berjaya.

"Kita juga yakin Abdullah akan meneruskan perjuangan BN, kerana Abdullah tentunya tidak menjadi Perdana Menteri untuk orang Melayu saja tetapi rakyat pelbagai kaum di negara ini," katanya sambil menjelaskan BN adalah gagasan unik kerana tidak meminggirkan komponen parti yang kecil, sebaliknya mengambil kira sumbangan setiap parti kepada BN.

Bagi Abdullah peralihan kuasa Oktober ini bukan perubahan rejim yang memerlukan beliau melaksanakan pelbagai dasar baru secara drastik.

"Banyak pihak bertanya apa yang saya akan lakukan selepas mengambil alih teraju negara November ini. Saya kata nantilah dulu apabila sampai masanya saya ambil alih jawatan itu,

"Saya akan meneruskan semua dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri terdahulu yang terbukti berjaya memaju dan membawa kestabilan kepada negara," katanya.

Di pentas antarabangsa kebolehan Abdullah tidak dapat dipertikaikan lagi, selepas memegang jawatan sebagai Menteri Luar selama sembilan tahun (1991-1999) pengalamannya menjalin hubungan dengan pemimpin luar begitu menyerlah.

Apapun tugas berat menanti Abdullah dan ujian pertama beliau adalah memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya umum akan datang yang secara tidak langsung menjadi medan penting menguji kepimpinannya.

Namun, berdasarkan kepada pengalamannya mengetuai BN dalam menghadapi beberapa pilihan raya kecil lalu dengan mencapai kemenangan membuktikan Abdullah bukan calang-calang pemimpin.

Abdullah tidak keseorangan, sebagai pahlawan sejati Dr Mahathir sendiri berjanji akan turun padang berkempen untuk calon BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya sendiri akan turun padang. Saya akan berkempen walaupun sebagai ahli biasa yang tidak menjadi calon. Saya akan terus berkempen.

"Ini kerana saya tidak lupa bahawa ramai orang telah berkempen untuk saya sebelum ini supaya saya dapat jadi Perdana Menteri. Sekarang giliran saya membalas budi," kata Dr Mahathir.

Itulah janji Dr Mahathir kepada Umno dan BN, beliau hanya akan menyerahkan tampuk pemerintahan kepada penggantinya (Abdullah) ketika parti dan kerajaan kukuh dan stabil.

Kini Umno dan BN kembali kukuh - Cuma satu permintaan Dr Mahathir; "Berilah sokongan padu kepada Pak Lah untuk membawa BN ke arah kecemerlangan."